



Pesona Anugerah Bella



» **25 finalis berentap**
dalam 5 kategori
bagi julang
gelaran dalam bidang
masing-masing

Oleh **Nor Hatina Shuib**
hatina@mbharian.com.my

Tangan yang menggoncangkan buaian mampu menggempakan dunia. Peribahasa ini menggambarkan wanita kini bukan saja memikul

tugas di ceruk dapur, tetapi seiring dengan kemajuan dunia, golongan hawa ini bersama-sama memimpin tangan menggerakkan kunci memacu negara menyumbang tenaga dalam pelbagai bidang sehingga ada yang menjulang gelaran 'wanita besi'.

Dalam meniti perjuangan itu, setiap wanita mempunyai cahaya gemerlap dan aura tersendiri dalam menyinari kehi-

dupan masyarakat. Wanita juga seperti batu permata yang bukan saja bersinar daripada luaran tetapi juga dalaman yang terus memancarkan cahaya.

Wanita diberi pengiktirafan untuk setiap inci kehebatannya. Dalam kalangan jutaan wanita di Malaysia, sebilangannya bersedia menonjol diri untuk menyerlahkan aura masing-masing.

Anugerah tingkatkan martabat wanita

Justeru, ntv7 yang menganjurkan Anugerah Bella, mengumumkan senarai finalis Top 5 bagi setiap kategori menggamit hati dan perasaan bangga melihat sekumpulan wanita berkerjaya yang bukan calang-calang hebat dalam bidang masing-masing Cantik, bergaya, bijak dan sempurna. Itu mungkin frasa tepat menggambarkan calon finalis pilihan juri apabila setiap daripada mereka kelihatan cukup yakin membawa diri.

Simbolik sifat kewanitaan

Lantaran, Anugerah Bella dilihat menjadi salah sebuah acara penganugerahan yang paling bermakna dalam meraikan, menghargai dan memberi penghormatan buat wanita dalam pelbagai bidang.

Bersemerang melengkapkan tema *Glam & Sparkles*, pengumuman senarai finalis yang terpilih menerusi lima kategori begitu menarik untuk diungkapkan. Tema dewan yang dihias indah dengan warna lembut seperti ungu yang diadun percikan warna perak pada beberapa hiasan simbolik kepada sifat kewanitaan.

Lima kategori yang diumumkan pada majlis penuh sederhana itu adalah *Bella Creative Award*, *Bella Style Award*, *Bella Beautiful Award*, *Bella Business Award* dan *Bella Heart Award* memabitkan 25 finalis.

Pastinya Bella Awards menjadi anugerah utama yang mahu direbut barisan finalis yang tercalon menerusi program ini kerana ia menghargai jasa dan pengorbanan wanita dalam kerjaya selama ini.

Kesemua calon terpilih dinilai melalui sumbangan, pencapaian dan portfolio mereka oleh beberapa panel juri yang pakar dalam kategori dicalonkan penganjur.

Apa yang mengejutkan pada majlis itu apabila pengacara majlis mewakili pihak ntv7 mengumumkan empat lagi kategori yang dibawa masuk secara kejutan iaitu *Bella On Screen Award*, *Bella On Stage Award*, *Bella Sports Award* dan *Bella Radio Award*.

Hargai jasa wanita

Istimewanya kategori ini apabila peminat boleh memilih calon yang dirasakan layak mengungguli senarai finalis dan 10 calon akan dipilih daripada setiap kategori mengikut pilihan orang ramai.



Majlis memperkenalkan finalis Anugerah Bella.

INFO

Anugerah Bella

● **Objektif:** Mengangkat martabat wanita dalam rancangan diskusi wanita sebagai program kewanitaannya dan menghargai jasa wanita di negara ini.

● **Tema** 'She Sparkles'

● **Tarikh:** 2 Mac (9 malam), di saluran ntv7

● **Tempat pertandingan:** Hotel The Royale Chulan

● **Undian bagi kategori 'Bella Official Correspondent'** bermula pada 1 hingga 14 Februari menerusi apps.ntv7.com.my/Bellaawards.

● 25 finalis

● Lima kategori utama

● Empat kategori tambahan

● **Anugerah:** Bella Creative Award, Bella Style Award, Bella Beautiful Award, Bella Business Award dan Bella Heart Award, Bella On Screen Award, Bella On Stage Award, Bella Sports Award dan

hani, Fazura, Shila Amzah, Maya Karin,

Bagi yang tidak sabar melihat gemerlapan bintang Anugerah Bella, majlis anugerah itu bakal berlangsung, di Hotel The Royale Chulan tepat, jam 9 malam, pada Mac nanti serta disusuli acara karpas merah akan berlangsung setengah jam awal di ntv7, dijangka mencuri tumpuan penonton melihat siapa yang terbaik dalam kalangan yang terbaik.

Seiring dengan logonya *Feel Good Channel*, anugerah pertama di Malaysia yang mengangkat martabat wanita dalam rancangan diskusi wanita ini dilihat sebagai program kewanitaannya yang menghargai jasa wanita di negara ini.

Antara kategori lain yang

diumumkan pada majlis berkenaan ialah pengenalan kepada enam finalis *correspondent official Bella* atau wakil rasmi karpas merah Bella pada malam anugerah nanti.

Istimewanya, kesemua mereka terpilih secara rawak apabila pihak penganjur mencari bakat istimewa yang bukan saja cantik malah

berani dalam penampilan diri di beberapa kawasan seperti pusat beli-belah di sekitar Lembah Klang.

Hadir sama, Pengurus Besar Kumpulan ntv7 dan 8TV, Airin Zainul; Ketua Pegawai Operasi Rangkaian Televisyen Media Prima, Ahmad Izham Omar dan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) Datuk

Dr Noorul Ainur Mohd M

Acara glamor

Airin ketika ditemui berkerjasama dengan Anugerah itu bakal menjadi acara yang menarik, glamor dan bergemerlapan yang juga bakal dihadiri oleh beberapa bintang yang berpengaruh dan berjaya dalam negara.

"Wanita memberi sumbangan besar terhadap pembangunan negara dan selalunya diraikan dengan cara yang amat menyeronokkan. Oleh kerana itu, acara siaran langsung pada 2 Mac nanti akan menjadi acara luar biasa.

"Saluran ntv7 bakal mencipta anugerah fenomenal dengan barisan perseorangan hiburan yang merumitkan oleh artis tempatan dan antarabangsa, peragapentas dan pelbagai kejuruteraan lagi," katanya.

Program yang mendapat sokongan dan diperakui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini.



Airin Zainul



Antara finalis yang hadir pada majlis ketika pengumuman.